

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[SIBUTI - BN]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN NO.15**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan melalui "National Discourse" TN50 yang dijalankan seluruh negara adakah penglibatan masyarakat minoriti seperti masyarakat Penan di Sarawak dan belia-belia jauh di pedalaman memahami wacana TN50 dan apakah usaha Kementerian untuk mendekati mereka .

19

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah merangka pelbagai pendekatan bagi memberi penerangan dan penjelasan yang tepat berhubung inisiatif Transformasi Nasional 2050 kepada segenap lapisan masyarakat termasuklah masyarakat minoriti dan belia-belia di pedalaman.
2. Suatu Dialog TN50 bersama Wakil Pertubuhan Belia dan Wakil Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telahpun dianjurkan dengan jayanya pada 16 Februari 2017 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras. Melalui dialog ini, wakil-wakil daripada pelbagai persatuan seperti Persatuan Orang Buta, Jaringan Orang Asli Malaysia dan Majlis Belia Orang Asli telah memberikan aspirasi dalam merangka perjalanan Malaysia menjelang tahun 2050.
3. Di samping itu juga, bagi memastikan masyarakat minoriti dan golongan pedalaman di Sarawak mendapat pendedahan tentang wacana TN50, Kementerian Belia dan Sukan turut melantik tiga Duta TN50 dari Sarawak iaitu Dr. Esther Michael, Encik Gabriel Fairuz Louis dan Encik Arthur Joseph Kurup. Ketiga-tiga Duta TN50 ini merupakan personaliti yang disegani dalam bidang perubatan, seni dan politik.

**SULIT**

4. Untuk makluman juga, dialog-dialog TN50 juga turut diadakan di peringkat parlimen. Bagi negeri Sarawak, ianya telah diadakan di 13 kawasan parlimen yang melibatkan kehadiran sejumlah 4,906 peserta dengan 364 aspirasi yang telah berjaya dikumpulkan.
5. Selain daripada itu, pelbagai program di peringkat Negeri dan Daerah turut dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan serta lain-lain Agensi Kerajaan bagi memastikan wacana TN50 sampai ke kawasan pedalaman. TN50 juga merupakan sebahagian daripada komponen penting Siri Jelajah 'Ekspresi Negaraku' ke seluruh negara yang diyakini akan dapat membantu di dalam penyebaran maklumat dan menggalakkan penglibatan golongan belia.

Sekian, terima kasih.